



moa
INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH

No Dokumentasi : APTVM (18a(1):2009)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH

No Dokumentasi : APTVM (18a(1):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	
1.0 Objektif	3
2.0 Skop	3
3.0 Rujukan	3
4.0 Definisi	3
5.0 Kata Singkatan	4
6.0 Bahagian I : Syarat-syarat Pendaftaran Veterinawan Bertauliah	4
6.1. Syarat-syarat Pendaftaran	4
6.2 Skop Tanggungjawab	5
6.2.1 Perkhidmatan Veterinar Ladang.....	5
6.2.2 Perkhidmatan Pemeriksaan daging, Pemeriksaan Abatoir dan Loji Pemprosesan.....	6
6.2.3 Perkhidmatan Veterinar Kuarantin	6
6.2.4 Pengurusan Biologik dan Drug Veterinar	7
6.2.5 Pendaftaran Binatang	7
6.2.6 Pengurusan Kesihatan Haiwan	8
6.3. Kursus Induksi	8
6.3.1 Bidang Kursus	8
6.4 Penilaian Kompetensi	9
6.5 Pembaharuan	9
6.6 Pengurusan Rekod	10
7.0 Bahagian II : Penggantungan dan Penarikbalikan Tauliah Pendaftaran Veterinawan Bertauliah	11
7.1 Penggantungan dan Penarikbalikan Tauliah	11
7.1.1 Penggantungan Tauliah	11
7.1.2 Penarikbalikan Tauliah	11
8.0 Bahagian III : Proses Kerja Pendaftaran , Pembaharuan , Penggantungan dan Penarikbalikan Veterinawan Bertauliah	12
8.1 Proses Kerja Pendaftaran, Pembaharuan, Penggantungan dan Penarikbalikan Veterinawan Bertauliah	12
8.2 Carta Aliran Pendaftaran, Pembaharuan, Penggantungan dan Penarikbalikan Veterinawan Bertauliah	14
Lampiran	
Borang Permohonan / Pembaharuan Pendaftaran Veterinawan Bertauliah oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Borang JPV-PVB1)	17

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah adalah salah satu usaha jabatan bagi menggembeling kepakaran dan profesionalisme di kalangan pegawai veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar(JPV) dengan veterinawan swasta dalam memberikan perkhidmatan veterinar kepada pelanggan yang memerlukan. Kepakaran veterinar dari golongan profesional diperlukan untuk memberikan perkhidmatan dalam sektor industri ternakan yang semakin mencabar. Ini melibatkan permintaan daripada pelanggan seperti usahawan ternakan, pemproses, pengimport, pengeksport dan pemilik haiwan kesayangan serta ekuestrian.

Pihak negara pengimport juga mensyaratkan perkhidmatan veterinar diberikan oleh golongan profesional dan berkepakaran. Walau bagaimanapun perakuan oleh pihak berkuasa veterinar diperlukan. Oleh demikian Program Veterinawan Bertauliah ini amatlah berfaedah dan memberi impak besar kepada sistem penyampaian perkhidmatan veterinar supaya ianya lebih komplemen di antara Pegawai Veterinar JPV dengan veterinawan swasta.

Pendaftaran Veterinawan Bertauliah merupakan program sukarela di mana veterinawan swasta ditauliahkan oleh jabatan untuk melaksanakan perkhidmatan mengikut skop dan syarat-syarat yang digariskan dalam Arahan Prosedur Tetap Veterinar ini. Syarat utama pentauliahkan adalah pemohon perlu berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia dan mempunyai Sijil Amalan Tahunan yang sah seperti mana termaktub dalam Akta Doktor Veterinar 1974. Skop tanggungjawab Veterinawan Bertauliah meliputi Veterinawan Ladang, Pemeriksaan Daging, Pemeriksaan Abatoir dan Loji Pemprosesan, Veterinawan Kuarantin, Pengurusan Biologik dan Drug Veterinar, Pendaftaran Binatang dan Pengurusan Kesihatan Haiwan.

Bagi memperkemas dan mengukuhkan pelaksanaan serta menjamin keutuhan program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah ini maka Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia-Pendaftaran Veterinawan Bertauliah:APTVM(18a(1):2009) ini dikeluarkan. Arahan ini menjelaskan syarat-syarat pendaftaran, skop tanggungjawab, kursus, penilaian kompetensi, pembaharuan, pengurusan rekod, penggantungan dan penarikbalikan tauliah.

Maka dengan ini diarahkan kepada veterinawan swasta yang ingin memohon untuk ditauliahkan sebagai Veterinawan Bertauliah supaya mengemukakan permohonan kepada jabatan dengan mematuhi arahan prosedur tetap veterinar yang termaktub dalam APTVM(18a(1):2009). Ini membolehkan perkhidmatan yang diberikan diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Adalah diharapkan dengan adanya APTVM(18a(1):2009) ini, sistem penyampaian perkhidmatan veterinar akan lebih berkesan dan cekap. Seterusnya ini akan merangsang pertumbuhan industri sektor ternakan. Maka saya mengarahkan semua pihak yang terlibat untuk mematuhi arahan prosedur ini.



DATO' DR. ABD. AZIZ BIN JAMALUDDIN

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

**ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA
PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH
OLEH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

1.0 OBJEKTIF

Arahan prosedur tetap ini bertujuan menjelaskan syarat-syarat pendaftaran, skop tanggungjawab, kursus, penilaian kompetensi, pembaharuan, pengurusan rekod, pengantungan dan penarikbalikan tauliah bagi Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

2.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia-Pendaftaran Veterinawan Bertauliah: APTVM(18a(1):2009) terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian Pertama meliputi syarat-syarat untuk pendaftaran veterinawan bertauliah; Bahagian Kedua meliputi pembaharuan, garis panduan pengantungan dan penarikbalikan pendaftaran veterinawan bertauliah dan Bahagian Ketiga pula meliputi proses kerja dan carta alir bagi pendaftaran, pembaharuan, pengantungan dan penarikbalikan tauliah.

3.0 RUJUKAN

3.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)

3.2 Akta Doktor Veterinar 1974

4.0 DEFINISI

4.1 Pegawai Veterinar

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar Kerajaan.

4.2 Veterinawan Bertauliah

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta didaftarkan dengan JPV bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab arahan ini seperti pada Arahan 6.2.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 JPV – Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- 5.2 Urusetia JKTPVBJPV- Urusetia Jawatankuasa Teknikal Pendaftaran Veterinawan Bertauliah JPV di bawah penyelarasan Seksyen Pemeriksaan Veterinar, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
- 5.3 JKTPVBJPV - Jawatankuasa Teknikal Pendaftaran Veterinawan Bertauliah JPV
- 5.4 JKPVBJPV - Jawatankuasa Pendaftaran Veterinawan Bertauliah JPV
- 5.5 VB- Veterinawan Bertauliah
- 5.6 GMP– *Good Manufacturing Practices*
- 5.7 GAHP –*Good Animal Husbandry Practices*
- 5.8 HACCP – *Hazard Analysis Critical Control Point*
- 5.9 SALT – Skim Amalan Ladang Ternakan
- 5.10 VHM – *Veterinary Health Mark*
- 5.11 SPS – *Sanitary Phytosanitary*
- 5.12 SOP –*Standard Operating Procedure*

6.0 BAHAGIAN I : SYARAT-SYARAT UNTUK PROGRAM PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH

6.1 Syarat-syarat Pendaftaran

Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat berikut bagi menyertai Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah ini :

- 6.1.1 Graduan dari universiti atau kolej bagi Ijazah Kedoktoran Veterinar atau bersamaan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Jadual Kedua Akta Doktor Veterinar 1974
- 6.1.2 Berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia

- 6.1.3 Mempunyai Sijil Amalan Tahunan yang sah
- 6.1.4 Melengkapkan Borang Permohonan/Pembaharuan Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (Borang JPV-PVB1) dan menyatakan skop tanggungjawab yang dipohon.
- 6.1.5 Menjalani kursus induksi pentauliahan veterinawan bagi pemohon baru.
- 6.1.6 Menjalani kursus ulangkaji bagi pembaharuan pendaftaran jika perlu.
- 6.1.7 Mendapat akuan bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar untuk didaftarkan sebagai Veterinawan Bertauliah.
- 6.1.8 Veterinawan bertauliah perlu menandatangani akujanji yang ditetapkan oleh JPV
- 6.1.9 Memenuhi syarat-syarat dan keperluan dalam APTVM(18a(1):2009)

6.2 Skop Tanggungjawab

Skop tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh veterinawan bertauliah bagi Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah meliputi perkhidmatan seperti berikut:

- 6.2.1 Perkhidmatan Veterinawan Ladang (*Farm Veterinarian Services*)
 - 6.2.1.1 Bertanggungjawab dalam memastikan keakuratan amalan penternakan yang baik GAHP di bawah Skim SALT
 - 6.2.1.2 Beri perakuan kesihatan ternakan
 - 6.2.1.3 Beri perakuan terhadap keakuratan pada keperluan penggunaan drug veterinar yang sempurna
 - 6.2.1.4 Bertanggungjawab terhadap keseluruhan penyakit wajib lapor
 - 6.2.1.5 Mematuhi protokol veterinar/ SOP yang ditetapkan

- 6.2.1.6 Mengutip sampel mengikut SOP dan jadual yang ditetapkan
- 6.2.1.7 Menjalankan suntikan
- 6.2.1.8 Mengesahkan suntikan
- 6.2.1.9 Menjalankan ujian yang ditetapkan
- 6.2.1.10 Membuka dan memasang seal

- 6.2.2 Perkhidmatan Pemeriksaan Daging, Pemeriksaan Abatoir dan Loji Pemprosesan (*Meat Inspection, Abattoir and Processing Plant Inspection Services*)
 - 6.2.2.1 Menjalankan dan mengawasi pemeriksaan daging bagi abatoir dan loji pemprosesan yang diperakui.
 - 6.2.2.2 Menjalankan pemeriksaan abatoir dan loji pemprosesan.
 - 6.2.2.3 Beri perakuan sistem kepastian kualiti dan keselamatan produk yang dikeluarkan oleh abatoir dan loji pemprosesan.
 - 6.2.2.4 Beri perakuan bagi sistem atau prosedur *traceability*
 - 6.2.2.5 Mematuhi protokol veterinar/SOP yang ditetapkan
 - 6.2.2.6 Membuka dan memasang seal
 - 6.2.2.7 Memastikan keakuratan kepada GMP dan HACCP bagi loji di bawah skim VHM

- 6.2.3 Perkhidmatan Veterinawan kuarantin (*Quarantine Veterinarian Services*)
 - 6.2.3.1 Mengesahkan penerimaan dan pengeluaran ternakan yang di kuarantin swasta
 - 6.2.3.2 Menjalankan pengurusan prosedur kuarantin

- 6.2.3.3 Mengeluarkan sijil kuarantin bagi ternakan yang sihat dan cukup tempoh kuarantin
- 6.2.3.4 Bertanggungjawab melapor bagi Penyakit Wajib Lapor (WPL) di stesen kuarantin terlibat
- 6.2.3.5 Mematuhi protokol veterinar/SOP yang ditetapkan
- 6.2.3.6 Mengutip sampel mengikut SOP dan jadual yang ditetapkan
- 6.2.3.7 Menjalankan suntikan
- 6.2.3.8 Mengesahkan suntikan
- 6.2.3.9 Menjalankan ujian yang ditetapkan
- 6.2.3.10 Memasang dan membuka seal

- 6.2.4 Pengurusan biologik dan drug veterinar
 - 6.2.4.1 Bertanggungjawab terhadap penyimpanan, pengendalian, pengedaran dan penggunaan biologik dan drug veterinar
 - 6.2.4.2 Melapor sebarang *breakdown* dan *adverse effect*
 - 6.2.4.3 Mematuhi protokol veterinar/SOP yang ditetapkan
 - 6.2.4.4 Mengesahkan rekod stok
 - 6.2.4.5 Menyemak dan menilai dosier biologik

- 6.2.5 Pendaftaran binatang
 - 6.2.5.1 Mendaftar binatang dengan identifikasi sempurna
 - 6.2.5.2 Beri perakuan identiti binatang
 - 6.2.5.3 Menjalankan pemeriksaan veterinar (*veterinary examination*) ke atas haiwan
 - 6.2.5.4 Memasang tanda pengenalan

- 6.2.5.5 Merekod dan melapor pendaftaran binatang
- 6.2.5.6 Mematuhi protokol veterinar/SOP yang ditetapkan
- 6.2.5.7 Mengeluarkan dokumen pengenalan

6.2.6 Pengurusan Kesihatan Haiwan

- 6.2.6.1 Menjalankan ujian penyakit menggunakan ujian yang diperakui
- 6.2.6.2 Menjalankan pemeriksaan kesihatan (*health examination*) ke atas haiwan
- 6.2.6.3 Membuat rawatan ke atas haiwan jika perlu
- 6.2.6.4 Menjalankan suntikan dan prosedur nyahkuman
- 6.2.6.5 Merekod dan melapor penemuan kepada JPV
- 6.2.6.6 Mematuhi protokol veterinar/SOP yang ditetapkan
- 6.2.6.7 Beri perakuan kesihatan haiwan

6.3 Kursus Induksi

Kursus Induksi Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah diwajibkan ke atas setiap veterinawan swasta yang dikenalpasti oleh JPV sebagai memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

6.3.1 Bidang Kursus

Di antara bidang yang perlu diketahui dan difahami oleh veterinawan bertauliah:

- 6.3.1.1 Akta, Peraturan-peraturan, Enakmen negeri mengenai kesihatan ternakan, pemeriksaan daging, keselamatan makanan di mana ianya berkaitan dengan skop tanggungjawab yang dipohon untuk pentauliah
- 6.3.1.2 Kawalan perpindahan ternakan antara negeri/premis

- 6.3.1.3 Peraturan import dan eksport binatang hidup dan produk ternakan termasuk pengurusan kuarantin
 - 6.3.1.4 Program kawalan dan pembasmian penyakit kebangsaan serta penyakit wajib lapor
 - 6.3.1.5 Prosedur pensampelan di peringkat ladang, abatoir, loji pemprosesan, klinik haiwan, pusat/kedai jualan ubat veterinar, *pet shop* serta ujian makmal berkaitan bagi menyokong diagnosa penyakit atau kehadiran patogen dan residu.
 - 6.3.1.6 Prosedur ujian yang akan dijalankan.
 - 6.3.1.7 Prosedur pemeriksaan daging, pemeriksaan abatoir dan loji pemprosesan produk berasaskan ternakan.
 - 6.3.1.8 Integriti dan etika profesional.
 - 6.3.1.9 Prosedur pengauditan ke atas loji pemprosesan bagi Skim VHM
 - 6.3.1.10 Prosedur pengauditan ke atas ladang bagi Skim SALT
 - 6.3.1.11 Prosedur pendaftaran binatang
 - 6.3.1.12 Mana-mana bidang berkaitan yang akan ditentukan dari masa ke semasa oleh JPV
- 6.4 Penilaian Kompetensi
- 6.4.1 Penilaian kompetensi termasuk aspek teknikal, teori, integriti serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan akan dinilai oleh pegawai audit yang dilantik oleh JPV.
 - 6.4.2 Peserta yang didapati kompeten akan disyorkan untuk diperakui bagi Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.
- 6.5 Pembaharuan
- 6.5.1 Sahlaku Pendaftaran Veterinawan Bertauliah adalah untuk tempoh 2 tahun. Pembaharuan perlu dibuat dalam tempoh

6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh sahlaku sijil pendaftaran.

- 6.5.2 Veterinawan bertauliah perlu melengkapkan Borang Permohonan/Pembaharuan Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (Borang JPV-PVB1) dan memajukan kepada Urusetia JKTPVBJPV.
- 6.5.3 JKTPVBJPV akan mengenalpasti sama ada veterinawan bertauliah perlu menghadiri kursus ulangkaji berdasarkan laporan penilaian kompetensi.
- 6.5.4 Laporan penilaian kompetensi akan diambil kira oleh JKTPVBJPV dan disyorkan kepada JKPVBJPV untuk tujuan pembaharuan.

6.6 Pengurusan Rekod

- 6.6.1 Veterinawan bertauliah hendaklah menyimpan rekod-rekod berkaitan dengan skop tanggungjawabnya seperti rekod pemeriksaan, rekod penyakit, penggunaan drug veterinar, singkiran, bilangan vaksinasi, gerompok bebas, gerompok terjangkit dan ujian yang dijalankan untuk tujuan verifikasi oleh pegawai audit JPV.
- 6.6.2 Pemilik/usahawan ternakan, pemproses, pengimport, pengekspor serta pemilik haiwan kesayangan dan ekuestrian hendaklah menunjukkan rekod-rekod yang relevan seperti dalam manual program kepastian kualiti/amalan yang baik (GMP/HACCP/GAHP), pasport haiwan semasa pemantauan oleh pegawai audit JPV untuk tujuan verifikasi bagi Program Pendaftaran Veterinawan Bertauliah

7.0 BAHAGIAN II: PENGGANTUNGAN DAN PENARIKBALIKAN PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH

7.1 Penggantungan dan Penarikbalikan Tauliah

Bagi veterinawan bertauliah yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006) atau telah dikenakan hukuman tatatertib oleh Majlis Veterinar Malaysia sebagaimana dalam peruntukan Akta Doktor Veterinar 1974 atau mana-mana syarat APTVM(18a(1):2009), JKTPVBJPV akan membuat penilaian dan syor kepada JKTPVBJPV mengenai status pendaftaran bagi veterinawan bertauliah yang terlibat. Status pendaftaran veterinawan bertauliah ini terbahagi kepada :

7.1.1 Penggantungan tauliah

Pendaftaran veterinawan bertauliah yang telah digantung perlu membuat tindakan pembetulan dalam masa tempoh 6 bulan untuk dikembalikan status pendaftaran. Laporan tindakan pembetulan dari pemohon akan diverifikasi dan dinilai oleh JKTPVBJPV untuk disyorkan kepada JKTPVBJPV bagi pendaftaran semula.

7.1.2 Penarikbalikan tauliah

Penarikbalikan pendaftaran veterinawan bertauliah boleh dibuat pada bila-bila masa dan tidak boleh dikembalikan status pendaftaran dalam tempoh masa 2 tahun. Pemohon perlu membuat permohonan baru selepas tamat tempoh ini.

7.2 Rayuan

7.2.1 Veterinawan bertauliah yang digantung atau ditarikbalik tauliah boleh mengemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.


**8.0 BAHAGIAN III: PROSES KERJA DAN CARTA ALIR BAGI PENDAFTARAN ,
PEMBAHARUAN, PENGGANTUNGAN DAN PENARIKBALIKAN
VETERINAWAN BERTAULIAH**

8.1 Proses Kerja Pendaftaran , Pembaharuan, Penggantungan dan Penarikbalikan Veterinawan Bertauliah

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab/ Jawatan
1	Terima Borang Permohonan/Pembaharuan Pendaftaran Veterinawan Bertauliah (Borang JPV-PVB1) dari veterinawan swasta	Urusetia JKTPVBJPV
2	Semak borang permohonan. Jika lengkap, rekod maklumat pemohon. Jika tidak lengkap, minta maklumat tambahan daripada pemohon	Urusetia JKTPVBJPV
3	Sedia laporan permohonan untuk dinilai oleh JKTPVBJPV	Urusetia JKTPVBJPV
4	Nilai permohonan untuk kenalpasti pemohon yang layak dan perlu jalani kursus induksi	JKTPVBJPV
5	Maklum pemohon yang layak	Urusetia JKTPVBJPV
6	Jalani kursus induksi anjuran bersama Ketua Seksyen berkaitan dengan Urusetia JKTPVBJPV	Veterinawan swasta/ Urusetia JKTPVBJPV/ Ketua Seksyen berkaitan
7	Nilai laporan prestasi pemohon dan sediakan syor kepada JKTPVBJPV	JKTPVBJPV
8	Perakukan pentauliah VB	JKTPVBJPV

9	Maklum pemohon status permohonan	Urusetia JKTPVBJPV
10	Daftar serta kemaskini rekod pendaftaran VB	Urusetia JKTPVBJPV
11	Lantik pegawai audit JPV untuk jalankan audit berkala ke atas VB	JKTPVBJPV
12	Jalankan audit dan sediakan laporan penilaian kompetensi VB.	Pegawai Audit JPV
13	Selaraskan laporan penilaian kompetensi oleh pegawai audit JPV	Urusetia JKTPVBJPV
14	Nilai laporan penilaian kompetensi VB dan sediakan syor kepada JKTPVBJPV	JKTPVBJPV
15	Perakukan pembaharuan atau penggantungan atau penarikbalikan tauliah VB	JKTPVBJPV
16	Maklum kepada pemohon status pembaharuan samada diperakukan pembaharuan atau digantung atau ditarik balik tauliah	Urusetia JKTPVBJPV
17	Kemukakan rayuan atau tindakan pembetulan untuk pertimbangan semula pentauliah	VB yang digantung atau ditarikbalik tauliah
18	Kemaskini daftar VB yang diperakukan pembaharuan / digantung / ditarik balik tauliah.	Urusetia JKTPVBJPV
19	Maklum kepada Pegawai ICT JPV untuk dikemaskini dalam laman web JPV	Urusetia JKTPVBJPV/ Pegawai ICT JPV
20	Rekod dan kemaskini semua maklumat	Urusetia JKTPVBJPV

8.2. Carta Aliran bagi Pendaftaran / Pembaharuan / Penggantungan / Penarikbalikan Veterinawan Bertauliah



Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan sila hubungi :

Urusetia Jawatankuasa Teknikal Pendaftaran Veterinawan Bertauliah,

d/a Seksyen Pemeriksaan Veterinar,
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Wisma Tani, Blok Podium 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2013 / 2014

Faks : 03-8888 6472

Email : pvb@dvs.gov.my

Laman web : <http://www.dvs.gov.my>

JAWATANKUASA PENYEDIAAN
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA
PENDAFTARAN VETERINAWAN BERTAULIAH

Penasihat : Y.H Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria
Pengarah
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

Disediakan oleh : Dr. Zaliha bt. Abdullah
Ketua Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

Dr. Siti Nurashikin bte Zaiton
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

En. Muhamad Hazmi bin Yaacob
Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS